

SULIT

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI HASAN BIN MALEK
[KUALA PILAH-BN]**

TARIKH : 18 MEI 2016 (RABU)

SOALAN (NO. 109)

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah perancangan KBS terhadap pemimpin-pemimpin belia yang dijangka akan tamat secara beramai-ramai untuk berada dalam persatuan belia selepas Dasar Belia Malaysia 2018 dikuatkuasa kelak.

SULIT

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Belia dan Sukan Malaysia (KBS) dengan kerjasama Majlis Belia Malaysia (MBM) sedang merangka penubuhan badan penasihat kepimpinan belia sebagai pengiktirafan kepada bekas-bekas pemimpin pertubuhan belia. Peranan dan fungsi badan penasihat kepimpinan belia ini sedang diperhalusi agar ianya memenuhi jangkaan impak ke atas Teras Pertama Dasar Belia Malaysia iaitu Pembangunan Belia Positif. Teras ini memberi penekanan ke atas pembangunan kesejahteraan aset dalaman dan luaran belia.
2. Di samping itu, KBS melalui Bidang Keutamaan Belia: Profesionalisme Kerja Belia akan memberi fokus utama dalam membangunkan keupayaan dan kompetensi Kumpulan Pelaksana Pembangunan Belia termasuk kepimpinan belia masa kini. Di mana, kepimpinan belia masa kini yang berpengalaman luas akan ditingkatkan lagi tahap profesionalisme mereka agar dapat memberikan kesan berganda ke atas pembangunan belia di negara ini. Pada masa ini, KBS sedang merangka struktur dan mekanisme pelaksanaan Bidang Keutamaan Belia : Profesionalisme Kerja Belia iaitu dari segi elemen akreditasi dan pengiktirafan ke atas kompetensi pekerja belia dari kalangan kepimpinan belia masa kini dan cadangan MBM untuk menubuhkan institusi khusus untuk mengiktiraf pekerja belia iaitu Federasi Kebangsaan Pekerja Belia (FKBP).

Sekian, terima kasih.

SULIT